

14/01/2000

Pengarang Harakah tidak mengaku salah

Nadzim Ahmad Jamalludin; Munira Yusoff

KUALA LUMPUR, Khamis - Pengarang lidah rasmi Pas, Harakah, Zulkifli Sulong dan pencetak akhbar itu, Chea Lim Thye, 62, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini dan Petaling Jaya atas tuduhan menerbit dan mencetak artikel berbentuk hasutan, Ogos lalu.

Artikel bertajuk "Liputan Pengakuan Sukma Hina Dan Jahat - Dr Chandra" itu disiarkan Harakah di halaman 40 keluaran 2 Ogos lalu dan perenggan yang disebut dalam tuduhan itu berbunyi:

"Adalah memalukan bahawa elemen-elemen di dalam pasukan polis, Pejabat Peguam Negara, mahkamah dan media bersedia diperalatkan dalam konspirasi yang terbesar yang dirancang oleh Perdana Menteri, (Datuk Seri Dr) Mahathir Mohamad dan konco-konconya, ujar beliau." Dr Chandra Muzaffar adalah Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional.

Zulkifli, 37, didakwa melakukan kesalahan itu di 28A, Jalan Pahang Barat off Jalan Pahang di sini pada atau sekitar 2 Ogos lalu manakala Chea, 62, dituduh melakukan kesalahan itu pada atau sekitar 2 Ogos lalu di Lot 9, Jalan 51A/243 Petaling Jaya.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun bagi kesalahan pertama.

Kedua-duanya minta dibicarakan. Zulkifli diwakili peguam Aimi Zaini dan P Uthayakumar manakala Chea diwakili Gan Khong Aik. Mereka dibebaskan dengan ikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin.

Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur Abdul Karim Abdul Jalil menetapkan tarikh perbicaraan kes Zulkifli selama lima hari bermula 22 Mei depan.

Hakim Mahkamah Sesyen Petaling Jaya Wan Afrah Wan Ibrahim pula menetapkan 31 Januari ini untuk sebutan semula kes Chea selepas membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya Shamsul Sulaiman dengan alasan pihaknya mahu memindahkan kes itu ke mahkamah Kuala Lumpur.

Kes Chea dipindahkan dipercayai untuk dibicarakan bersama Zulkifli.

Terdahulu, Timbalan Pendakwaraya Tun Abdul Majid Tun Hamzah meminta Abdul Karim mengenakan jaminan RM50,000 dengan seorang penjamin terhadap Zulkifli.

Bagaimanapun, Aimi berkata jumlah itu tidak munasabah, sebaliknya memohon dikurangkan kepada RM3,000.

Menurutnya, ikat jamin RM3,000 memadai kerana Zulkifli bukan saja menyerah diri secara sukarela, malah sentiasa memberikan kerjasama penuh kepada polis. Jaminan itu dibayar oleh Pengarah Urusan Harakah, Datuk Hishamuddin Yahya.

Sementara itu, Wan Afrah membenarkan permohonan Timbalan Pendakwaraya, Shamsul Sulaiman supaya Chea diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin.

(END)